Soalan Objektif

Halaman Buku Teks: 46 – 54

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Negeri-negeri yang berada di bawah naungan Siam dikehendaki menghantar _____ sebagai tanda ketuanan.
   A hadiah
   B wang pitis
   C persalinan
   D bunga emas

2. Peta di bawah adalah peta Tanah Melayu.



   Pada tahun 1874, negeri X dikuasai oleh British melalui
   A Perjanjian Burney
   B Perjanjian London
   C Perjanjian Pangkor
   D Perjanjian Bangkok

3. Kuasa asing yang berjaya menjajah Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak pada tahun 1942 ialah
   A Siam
   B India
   C China
   D Jepun

4. Negeri manakah yang dijajah Portugis pada tahun 1511 hingga 1641?
   A Perlis
   B Kedah
   C Melaka
   D Kelantan

5. Negeri terakhir yang dikuasai oleh British ialah
   A Johor
   B Pahang
   C Terengganu
   D Negeri Sembilan

6. Pada tahun apakah 'Rajah Putih' menguasai Sarawak?
   A 1786
   B 1841
   C 1881
   D 1942

7. Rajah berikut berkaitan penjajahan di negara kita.

   Keluarga Brooke → Sarawak
   X → Sabah

   Apakah X?
   A Bangsa Portugal
   B Syarikat Hindia Timur Inggeris
   C Syarikat Borneo Utara British
   D Syarikat Hindia Timur Belanda

8. Apakah bentuk pemerintahan yang diperkenalkan oleh Keluarga Brooke di Sarawak?
   A Pemerintahan liberal
   B Pemerintahan beraja
   C Pemerintahan demokrasi
   D Pemerintahan berparlimen

LIVEWORKSHEETS

9. Negeri manakah yang pertama menerima Residen di Tanah Melayu?
   A Perak
   B Pahang
   C Selangor
   D Negeri Sembilan

10. Apakah faktor kedatangan kuasa asing ke negara kita?
   I Meningkatkan imej
   II Revolusi Perindustrian
   III Menguasai sumber alam
   IV Menyebarkan tamadun Eropah
   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

11. Apakah sumber kekayaan yang dieksploitasi oleh Keluarga Brooke di Sarawak?
   I Emas
   II Antimoni
   III Bijih besi
   IV Lada hitam
   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

12. Apakah tanaman komersial yang dimajukan oleh Keluarga Brooke?
   A Padi C Kelapa
   B Nenas D Lada hitam

13. Penguasaan British terhadap negeri Terengganu telah menyebabkan Sultan terpaksa menerima _____ bagi membantu dan melancarkan urusan pentadbiran.
   A Gabenor
   B Residen British
   C Residen Jeneral
   D Penasihat British

14. Negeri manakah adalah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?
   I Johor III Melaka
   II Kedah IV Selangor
   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

15. Maklumat berikut berkaitan kesan penjajahan kuasa asing ke negara kita.

• Ipoh	• Taiping	• Kuala Lumpur

   Apakah kesan tersebut?
   A Kemajuan perusahaan getah
   B Kemajuan perlombongan emas
   C Kemajuan sistem pendidikan
   D Kewujudan bandar baharu

16. Apakah kesan ekonomi daripada penjajahan?
   A Pertambahan hasil hutan
   B Pengurangan pembukaan ladang
   C Pertambahan bandar-bandar baharu
   D Perkembangan industri perlombongan

17. Sekolah Inggeris pertama yang dibuka di Sabah ialah
   A Sekolah Methodist
   B Sekolah St. Mary
   C Sekolah St. Elizabeth
   D Sekolah Queen Elizabeth

18. Apakah sistem perhubungan yang diperkenalkan oleh kerajaan British bagi mengaut kekayaan di negara kita?
   I Telefon III Dispensari
   II Telegraf IV Sistem pos
   A I, II dan III
   B I, II dan IV
   C I, III dan IV
   D II, III dan IV

19. Negara akan terus berdaulat sekiranya setiap individu mempunyai sikap
   A bertolak ansur
   B berjiwa patriotik
   C bersedia berperang
   D berpandangan jauh

20. Kemajuan dan pembangunan negara akan dapat ditingkatkan seandainya seseorang individu bersikap
   A pasif C progresif
   B agresif D tunggu dan lihat

LIVEWORKSHEETS